# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
# JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
# BERITA PERIKANAN HARI INI

**23 Disember 2020**
**8 Jamadilawal 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • 'Kekasih' Sang Penyu<br>• Memori Pantai Mak Nik |
| Kosmo ! | • |
| Sinar Harian | • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysia Dateline | • |
| Bernama | • |
| See Hua Daily News (Kuching) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| The Borneo Post | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | ✓ | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ................................ | | 37 | 23/12/2020 |




FOTO : MOHD RAFI MAMAT

WM
WANITA METRO



# 'KEKASIH' SANG PENYU

BERSAMA penyu agar bernama Zora yang terdapat di Rimbun Dahan Turtle Hatchery.

**Wanita sanggup berhabis untuk teruskan legasi bapa sebagai sukarelawan untuk pastikan hidupan laut terus membiak**

FOKUS


Oleh Mohd Rafi Mamat
rencana@hmetro.com.my


**Kasih** sayangnya terlalu menebal pada penyu hingga sanggup berkorban menghambakan diri pada hidupan laut itu secara sukarela dengan mengadakan pelbagai program pemuliharaan dan kesedaran sejak lebih enam tahun lalu.

Sifat lemah lembut pemegang Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris, [illegible] dalam [illegible] itu seolah dan pelengkap kepada aktiviti mengumpul telur, proses penetasan dan pelepasan reptilia berkenaan ke laut.

Kini, usaha yang dilakukan Farina Ashrin Ariffin, 32 dianggap berjaya apabila membiakkan anak penyu jenis agar, karah dan lipas secara semula jadi sepanjang tahun.

Dia yang terkenal dengan panggilan Along dalam kalangan pelancong berkata, sebelum ini hanya berperanan sebagai pembantu kepada ayahnya, Ariffin Hassan namun selepas bapanya itu meninggal dua tahun lalu, pengurusan Rimbun Dahan Turtle Hatchery di Jalan Pantai Chendor, Kuantan, Pahang diuruskannya sendiri.


> 38

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | ✓ | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LI | | | | | | | | 38 | 23/12/2020 |



# MEMORI PANTAI MAK NIK

## Minat bermula sejak mengikut arwah ayah melihat penyu bertelur di zaman kanak-kanak

DARI MUKA 37

Katanya, rasa sayang dan minat pada penyu mula bercambah sejak di bangku sekolah rendah apabila berpeluang mengikut arwah ayahnya melihat penyu bertelur di pantai Mak Nik, Kemaman, Terengganu.

"Pesisir pantai berkenaan lokasi utama penyu mendarat untuk bertelur.

"Hati saya boleh dikatakan sebati dengan anak penyu apabila hampir setiap hari berpeluang memegang dan membelai reptilia terbabit, rasa puas hati dan terhibur melihat anak penyu yang aktif sambil berusaha untuk turun ke laut.

"Saya mendapat bekalan telur penyu daripada penduduk kampung Chendor yang menjual dengan RM2.80 sebiji, telur berkenaan dieram dalam pasir yang mengambil masa 40 hingga 60 hari untuk menetas. Kawasan khas berpagar dijadikan tempat menyimpan telur.

"Tawaran untuk aktiviti melepaskan anak penyu ke laut disediakan kepada pelancong dengan dikenakan sedikit bayaran. Program berkenaan sentiasa mendapat permintaan menggalakan," kata anak sulung daripada lima beradik itu.

Tahun lalu kira-kira 23,000 anak penyu jenis agar dikeluarkan namun jumlahnya berkurangan tahun ini kepada 7,000 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik Covid-19. Aktiviti mencari telur penyu tidak dapat dilakukan sedangkan penyu betina banyak mendarat di pesisir pantai Chendor.

Farina Ashrin berkata, penyu betina banyak mendarat untuk bertelur bermula Jun hingga Oktober. Pada bulan lain jumlah pendaratan agak sedikit. Kini, penyu jenis agar banyak mendarat berbanding karah dan lipas.

"Untuk menguruskan Rimbun Dahan Turtle Hatchery saya dibantu adik, Fadhil Izzuddin, 27, yang mempunyai minat sama. Walaupun berhadapan pelbagai cabaran, saya akan tetap teruskan usaha berkenaan demi masa depan hidupan laut itu.

"Saya juga turut terbabit melakukan kajian berkaitan jentina penyu, lokasi pendaratan dan ancaman reptilia berkenaan hingga berlaku kes kematian. Hasil kajian saya kongsi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat.

"Dari semasa ke semasa saya akan berusaha untuk pastikan masa depan penyu terus terbela seterusnya telur reptilia itu tidak terus dijadikan hidangan pihak tertentu," katanya.

Katanya setiap hari dia menguruskan anak penyu tanpa jemu malah menyeronokkan.

"Anak penyu aktif dan fokus utamanya ialah untuk turun ke laut tanpa memikirkan bahaya serta ancaman," katanya

Farina Ashrin berkata, setiap hujung minggu dia berpeluang bertemu pelancong tempatan dan antarabangsa sambil mengadakan aktiviti melepaskan anak penyu ke laut bermula enam petang, sebelum taklimat dan penerangan diberikan kepada mereka.

"Sepanjang pembabitan dengan pelancong banyak pengalaman manis dilalui, pernah berlaku seorang kanak-kanak Cina mengirim gambar saya bersama penyu yang dilukis, selepas itu setiap tahun kanak-kanak berkenaan dan keluarganya berkunjung ke Rimbun Dahan Turtle Hatchery.

"Terdapat pelancong luar negara yang memberi cenderahati sambil mengucapkan tahniah di atas usaha yang dilakukan," katanya yang berbangga sebagai sukarelawan penyu.

Tambahnya lagi, dia turut terbabit dengan program pemuliharaan tuntung yang kini semakin berkurangan berbanding sebelum ini berikutan beberapa faktor.



ANAK penyu agar disimpan sementara dalam bakul sebelum dilepaskan ke laut.



FARINA Ashrin begitu mencintai hidupan laut ini.